

Surat khabar: Utusan Borneo ( Sukan )

Hari/Tarikh: 12/12/2013

Muka surat: 20

Tajuk : Hanya Tiga Venue Untuk Aksi Piala Isuzu-FAS B19.

## Hanya tiga venue untuk aksi Piala Isuzu-FAS B19

**KUCHING:** Presiden Persatuan Bola Sepak Samarahan (PBBS), Haidel Heli mengesahkan hanya tiga padang di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan diguna pakai sepanjang Kejohanan Bola Sepak Piala Isuzu-FAS Bawah 19 Tahun Sarawak.

Katanya, ia disebabkan hanya tujuh pasukan yang akan mengambil bahagian pada kejohanan tersebut setelah Bahagian Kapit menarik diri pada saat akhir.

Sebelum ini, PBBS memutuskan akan menggunakan empat padang termasuk Stadium Mini Samarahan sebagai venue kejohanan yang akan berlangsung pada 15 hingga 22 Disember ini.

“Penganjur memutuskan



**HAIDEL**

akan menggunakan tiga padang di UNIMAS sepanjang kejohanan berlangsung memandangkan hanya tujuh pasukan mengambil bahagian.

“Ini akan memudahkan proses penganjuran termasuk pasukan yang terlibat kerana semua perlawanan berpusat di venue yang sama,” katanya di sini semalam.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas berhubung penarikan diri pasukan Bahagian Kapit.

Kejohanan ini julung kali dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Sarawak (FAS) dan mendapat tajaan berjumlah RM100,000 daripada Isuzu Malaysia.

Manakala PBBS selaku ahli gabungan FAS diberi mandat sebagai tuan rumah.

Pasukan terlibat terdiri daripada Samarahan, Limbang, Sibu, SFDP 17 yang diundi dalam Kumpulan A.